

JPS ambil langkah cegah banjir kilat berulang

KUALA SELANGOR – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor giat merangka kerja penyelenggaraan kolam takungan dan 'outlet' aliran keluar air yang ada di Puncak Alam bagi membendung banjir kilat.

Juruteranya, Zurraidy Jalal berkata, JPS mengenal pasti kawasan 'hotspot' banjir dan lokasi baru seperti di Puncak Alam selepas taburan hujan mencecah 100 milimeter (mm) sehingga menyebabkan banjir kilat berlaku.

"Bagi penyelesaian jangka pendek, JPS mengenal pasti kawasan berpotensi banjir dan bersedia menghantar pam bergerak untuk membantu melancarkan aliran air ke sungai.

"Pemantauan fungsi kunci air dan aras sungai yang ada juga dilakukan sekerap mungkin bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Sebelum ini, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) turut mengenal pasti punca banjir kilat yang berlaku di Puncak Alam disebabkan daya tampung kolam tadahan banjir yang rendah.

Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan menjelaskan, kolam tadahan tidak dapat menampung kapasiti air selepas hujan lebat lebih dua jam.

"Kawasan tasik di perumahan Sinar Alam mempunyai masalah dari segi reka bentuk, aliran air disalurkan ke 'siltation pond' mempunyai sekat sebelum mengalir ke kolam utama.

"Sekatan itu melambatkan lagi aliran air ke kolam utama terbabit malah limpahan air melebihi daripada kapasiti kolam di Puncak Alam juga lambat mengalir keluar ke kolam Puncak Bestari.

"MDKS memandang berat isu banjir ini dan



Laporan Sinar Harian 12 Ogos lalu.

antara gerak kerja awal yang dilaksanakan adalah pembersihan kolam takungan air di saluran masuk dan keluar ke kolam di kawasan perumahan.

"MDKS turut mengarahkan kontraktor untuk membersihkan sampah yang tersangkut di laluan keluar (outlet) utama kolam takungan Puncak Alam dan kawasan perumahan.

"Selain itu, MDKS akan menjalankan pelan jangka panjang seperti melaksanakan pembersihan kolam takungan secara berkala.

"Pihak pemaju di kawasan Alam Suria dan Puncak Bestari turut diminta memantau kerja penyelenggaraan kolam takungan agar dijalankan dengan baik.

"Cadangan menaik taraf saliran di sepanjang jalan Persiaran 6 turut dibangkitkan selepas meneliti keseluruhan sistem saliran dan kapasiti kolam takungan yang ada di Puncak Alam.

"Ujian semula saiz pemetang (cross culvert) di laluan Persiaran 6 perlu dibuat semula bagi memastikan aliran air sempurna ketika hujan lebat," katanya.